



Mencipta Logo

Sempena Sambutan Ulang

Tahun ke -10 Fakulti Sains & Teknologi

Syarat Peraduan

1. Peraduan ini terbuka kepada semua warga UKM.
2. Ukuran logo ialah 6" X 6" dan hendaklah dilukis atas kertas 'Art Paper' saiz A3 berwarna putih.
3. Warna logo adalah bebas tetapi harus mempunyai sedikit unsur warna FST iaitu ungu.
4. FST terdiri daripada lima (5) buah pusat pengajian iaitu Pusat Pengajian Sains Matematik, Pusat Pengajian Fizik Gunaan, Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam, Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan dan Pusat Pengajian Biosains dan Bioteknologi;
5. Butir-butir penerangan mengenai konsep dan simbol setiap corak, imej dan warna yang digunakan dalam reka bentuk logo hendaklah dilampirkan.
6. Semua ciptaan logo hendaklah asli dan dapat memperlihatkan pencapaian dan perkembangan FST dalam tempoh 10 tahun.
7. Peserta hendaklah menulis nama, alamat dan nombor kad pengenalan di belakang karya masing-masing.
8. Jumlah penyertaan daripada satu orang peserta tidak terhad.
9. Hadiah untuk pemenang pertama ialah RM500.00, dan empat hadiah sagu hati RM150.00 tiap satu. Pemilihan pemenang akan dibuat oleh panel hakim yang dilantik dan keputusan hakim adalah muktamad. Logo yang menang akan menjadi hak milik FST untuk digunakan sebagai lambang sempena ulang tahun ke-10nya.
10. Keputusan pemenang akan dibuat dalam satu majlis yang akan diaturkan serta melalui E-Warga dan pemenang akan dimaklumkan menerusi surat.
11. Semua perbelanjaan menyediakan logo bagi pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.
12. Semua ciptaan penyertaan hendaklah dihantar terus kepada:
Ketua Penolong Pendaftar Kanan
Fakulti Sains & Teknologi
Pejabat Dekan FST
UKM

Tidak lewat daripada **26 September 2008**.

13. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi alamat di atas atau talian 03-89214382 atau emel: zak@ukm.my

Disediakan oleh:

Urus setia Sambutan Ulang Tahun ke-10 FST

Pejabat Kedekanan FST